

→ KESIHATAN

VIRUS ZIKA

Demam selepas pulang dari Singapura

BH
2/9/16
ms 8

→ Wanita dari Klang balik ziarah anak dikenal pasti hidap wabak

zika," katanya pada sidang media di kementeriaannya, di sini, semalam.

Dr Subramaniam berkata, kementeriaannya sudah mengambil langkah kawalan di kawasan perumahan wanita berkenaan di Taman Botanik bagi mengawal penularan virus berkenaan.

Selain itu, bagi tempoh 21 hingga 28 Ogos iaitu sekembalinya dari Singapura, pesakit melawat beberapa kawasan di daerah Klang dan Kuala Lumpur, sekali gus mendorong kementerian memulakan kawalan vektor di kawasan kediaman kes dan tempat yang dilawati pesakit.

"Langkah kawalan yang dilaksanakan, termasuk menghapuskan tempat pembiakan aedes, membasmi larva nyamuk dan semburan kabus racun serangga selain mereka yang mempunyai hubungan terdekat pesakit diperiksa serta dipantau sama ada mengalami demam atau simptom zika yang lain.

Fakta nombor

155 KES
dilaporkan di Singapura sehingga Rabu

2 TALIAN

Bilik Gerakan Zika di Pusat Kediaan Krisis dan Tindak Balas (CPRC) 03-88810200 atau 03-88810700



Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Seorang wanita dari Bandar Botanik, Klang yang dikenal pasti dijangkiti virus zika selepas pulang dari melawat anaknya di Singapura menjadi kes pertama wabak itu di Malaysia.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata wanita ber-

VIRUS ZIKA

Apa itu virus zika

- Flavivirus bawaan nyamuk yang hampir serupa dengan virus denggi.
- Wabak bermula di Brazil dan merebak ke negara Amerika Latin.

Aedes aegypti



JANGKITAN



Gigitan nyamuk



kenaan berada di Singapura selama tiga hari bermula 19 Ogos lalu bagi melawat anak perempuannya yang disahkan dijangkiti zika di Singapura.

Jelas beliau, selepas pulang dari negara berkenaan, wanita berusia 58 tahun itu mengalami beberapa gejala zika seperti demam serta ruam di beberapa anggota badan dan mendapatkan rawatan di klinik swasta pada 30 Ogos lalu.

"Pengamal perubatan yang mengesyaki wanita berkenaan dijangkiti zika kemudian merujuknya ke Hospital Sungai Buloh untuk pengesahan. Ujian air kencing pesakit pada 31 Ogos lalu adalah positif zika, manakala ujian da'ah pesakit masih menunggu keputusan.

Alami tanda-tanda zika

"Punca jangkitan disyaki berlaku di Singapura di mana pesakit mula mengalami tanda-tanda zika pada hari yang sama dengan anaknya mula sakit di Singapura.

"Suami pesakit dan ahli keluarga yang tinggal serumah bersamanya sehingga kini masih belum menunjukkan simptom jangkitan

Tingkatkan usaha

"Kes pertama zika yang dilaporkan di Malaysia menunjukkan bahawa mudah untuk dijangkiti virus ini dengan melawat tempat yang mengalami wabak seperti Singapura dan orang ramai perlu meningkatkan usaha menghapuskan nyamuk aedes yang menjadi vektor pembawa penyakit zika, denggi dan chikungunya.

"Mereka yang berkunjung ke negara yang mengalami wabak zika atau mempunyai simptom penyakit ini perlu segera menjalani pemeriksaan darah supaya penularan wabak ini dapat dibendung," katanya.

Dr Subramaniam berkata, setakat ini tiada nasihat perjalanan kepada orang awam bagi melawat tempat yang berisiko mempunyai virus zika, namun beliau meminta orang ramai elak mengunjungi tempat tidak dapat dielak, seperti berulang-alik antara Malaysia dan Singapura untuk bekerja.

 Untuk video layari www.bharian.com.my

Status virus dipantau

Kuala Lumpur: Kerajaan sedang memantau status virus zika di Malaysia susulan kes pertama di negara ini membabitkan wanita tempatan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri menyarankan supaya mana-mana individu yang mempunyai gejala penyakit virus

berkenaan segera ke klinik atau hospital berhampiran untuk tindakan selanjutnya.

"Kerajaan sedang pantau status zika di Malaysia. Sekiranya ada gejala berikut (virus zika), segera ke klinik atau hospital berhampiran," katanya menerusi akaun Twitter rasminya, semalam.

TANDA DAN SIMPTOM



Demam



Sakit kepala dan sendi



Lemah dan tidak selesa



Konjunktivitis



Ruam di kulit

RAWATAN



Rehat mencukupi bataskan pergerakan dan duduk di rumah



Minum banyak air



Ikut nasihat doktor

 Tiada ubat atau vaksin khas untuk virus zika buat masa ini dan rawatan hanya untuk mengurangkan simptom

PENCEGAHAN



Guna alat penghalau nyamuk



Musnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes



Pakai baju lengan panjang warna cerah dan seluar panjang



Tidur menggunakan kelambu



PAGI

Elakkan berada di luar ketika waktu gigitan nyamuk tinggi (5 pagi - 7 pagi dan 5 petang - 7 malam)



MALAM

Hubungan seks

Pemindahan darah

Ibu kepada anak dikandung

